

# Bank Rakyat beri kemudahan pembayaran zakat

14/5/29

SINAR HARIAN 22/12/23

**SHAH ALAM** - Bank Rakyat melancarkan perkhidmatan pembayaran zakat simpanan secara automatik menerusi Akaun Simpanan-i dan Akaun Semasa-i, baru-baru ini sebagai kemudahan kepada pelanggan untuk menunaikan kewajipan membayar zakat simpanan dengan mudah dan lancar.

Bank Rakyat dalam satu kenyataan berkata, menerusi kemudahan itu, Bank Rakyat akan mengguna pakai konsep Syariah iaitu kontrak Wakalah yang mana pelanggan sebagai 'muwakkil' melantik bank tersebut sebagai wakil untuk menguruskan pembayaran zakat kepada agensi mengurus zakat (AMZ) seperti Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAWP).

"Perkhidmatan baharu ini memperlihatkan komitmen berterusan bank berkenaan dalam memanfaatkan rangkaian perkhidmatan dan perbankan digitalnya dengan menyediakan penyelesaian inovatif kepada pasaran.

"Ia akan memberikan kemudahan dan pengalaman terbaik pelanggan, termasuklah membantu meningkatkan kemakmuran ekosistem kewangan sosial dan Islam secara keseluruhannya," jelas kenyataan itu.

The advertisement features a dark blue background with white text. At the top, it says "Tunai Zakat Simpanan anda bersama Bank Rakyat". Below that, it states "Secara automatik dan sistematis menerusi akaun individu: Akaun Simpanan-i dan Akaun Semasa-i Elektronik". It then lists "Kelebihan yang boleh dinikmati:" with three items: "Pembayaran zakat tahunan yang konsisten", "Tiada kos tambahan", and "Kemudahan notifikasi dan resit pembayaran zakat". At the bottom, there is small print about operating hours and logos for Bank Rakyat, MAM, and Malaysia Madani.

**Bank Rakyat menyediakan kemudahan pembayaran zakat kepada pelanggannya.**

Menurut kenyataan itu, inisiatif yang juga bertepatan dengan nilai cipta Malaysia Madani ini bukan sahaja dapat menggalakkan pelanggan memenuhi tanggungjawabnya malah memastikan kelancaran pelanggan untuk membayar zakat simpanan tahunan mereka pada waktunya.

"Jumlah zakat simpanan akan dihitung secara automatik dan ditolak melalui sistem Bank Rakyat apabila memenuhi syarat haul dan nisab menerusi akaun pelanggan tanpa sebarang caj tambahan," katanya.